

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 16 OKTOBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1543-MQT3333
Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana seriusnya kes influenza seluruh negara, apakah kesan kepada institusi pendidikan dan langkah-langkah untuk mengatasinya memandangkan kes influenza telah merebak ke institusi pendidikan termasuk pra sekolah sehingga institusi pendidikan tinggi.
2. PR-1543-MQT3337
Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan segera dan menyeluruh yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan insiden tragis seperti kes pelajar dirogol dalam kelas tidak berulang, termasuk daripada segi keselamatan fizikal di sekolah, pengawasan guru, mekanisme aduan yang efektif serta sokongan kepada mangsa dari aspek psikososial dan perundangan.
3. PR-1543-MQT3331
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah perlindungan untuk industri semikonduktor, perabot dan barangan lain yang dilandai tarif Amerika Syarikat sebanyak masing-masing lebih 100%, 25% dan 19% serta masalah lambakan yang akan berlaku dan impak negatifnya dalam kehilangan nilai perdagangan dan kadar pertumbuhan GDP Malaysia.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 16 OKTOBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 52

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1543-L31338
Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang sedang diambil bagi mengurangkan kadar ketidakseimbangan agihan sumber manusia kesihatan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak khususnya bagi penempatan pakar, doktor dan jururawat.
2. PR-1543-L31467
Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tegas Kerajaan dalam memerangi jenayah penipuan dalam talian yang menunjukkan trend peningkatan yang amat membimbangkan.
3. PR-1543-L32055
Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah akhir dagangan dan potensi pelaburan yang diperolehi negara serta data berkaitan perincian memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) yang berjaya dimeterai sepanjang Ekspo 2025 Osaka berbanding jangkaan awal.

4. PR-1543-L31316
Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menaik taraf Pusat GIATMARA Banting selaras dengan keperluan tenaga kerja dalam pembangunan pesat di Kuala Langat.
5. PR-1543-L31063
Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah keuntungan atau kerugian yang dicatatkan oleh Prasarana selaku pengendali sistem LRT di Malaysia serta jumlah peruntukan subsidi Kerajaan bagi memastikan perkhidmatan LRT dapat terus beroperasi tanpa membebankan pengguna.
6. PR-1543-L31855
Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal dan mengurangkan populasi anjing liar yang mengancam keselamatan dan ketenteraman orang awam khususnya kanak-kanak.
7. PR-1543-L32310
Puan Hajah Salmiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan untuk pembinaan jalan di semua peringkat (Persekutuan, negeri dan daerah) bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.
8. PR-1543-L31094
Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang telah dikenal pasti tidak berdaftar mengikut pecahan negeri serta tindakan yang dapat diambil bagi membantu TASKA berkenaan didaftarkan secara sah dan mematuhi garis panduan Akta 308, Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.
9. PR-1543-L31868
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memperkenalkan sistem pentauliahan profesional kepada penggiat seni budaya sebagaimana sistem penarafan profesional TVET.

10. PR-1543-L32170
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:
- (a) kriteria teknikal bagi tawaran *Request for Proposal* (RFP) baru-baru ini bagi kontrak penyelenggaraan jalan Persekutuan; dan
 - (b) adakah Kerajaan bersetuju mewajibkan pelaporan awam berkala berhubung *pavement condition index* dan *level of service* terhadap syarikat konsesi bagi meningkatkan akauntabiliti terhadap mutu kerja.
11. PR-1543-L31845
Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan strategik Kerajaan dalam menangani isu penurunan kadar kesuburan nasional yang kini berada di bawah paras penggantian bagi mengelakkan risiko krisis demografi yang boleh menjejaskan kestabilan sosial dan pembangunan negara.
12. PR-1543-L31810
Dato Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini siasatan ke atas penyebaran video lucah yang dihasilkan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) ke atas beberapa Ahli Parlimen di Malaysia.
13. PR-1543-L31653
Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan setiap program budaya yang dilaksanakan oleh JKKN benar-benar menyumbang kepada pembentukan jati diri kebangsaan, bukan hanya bersifat pelancongan atau persembahan sementara.
14. PR-1543-L31242
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar lebih 8,000 banduan di lima penjara seluruh negara masih dikehendaki berkongsi tandas baldi (*bucket toilet*) di dalam sel mereka dan apakah rancangan Kementerian untuk menamatkan amalan yang tidak lagi sesuai dengan standard kebersihan serta hak asasi tersebut.

15. PR-1543-L31047

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) statistik kes kemalangan melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol; dan
- (b) langkah tegas bagi membendung isu ini daripada berterusan.

16. PR-1543-L31914

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) bagaimana Belanjawan 2025 menangani isu perumahan mampu milik bagi golongan B40 dan M40 yang semakin terbeban dengan harga rumah tinggi; dan
- (b) adakah Kementerian telah mempunyai peruntukan tambahan untuk membina balai bomba di Dusun Tua dalam parlimen Hulu Langat yang agak mendesak keperluannya.

17. PR-1543-L31153

Tuan Shahrizukir bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) dan justifikasi ia tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) sedangkan projek tersebut menjadi keperluan penting penduduk Pantai Timur.

18. PR-1543-L31634

Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan integrasi antara pembangunan infrastruktur fizikal dan digital bagi mewujudkan pengalaman pelancongan pintar (*smart tourism*) di Malaysia serta adakah terdapat sebarang bentuk kerjasama dengan Kerajaan Negeri serta pihak swasta dalam memastikan transformasi pelancongan digital dan fizikal terlaksana.

19. PR-1543-L32090

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menaik taraf serta menambah bilangan anggota polis di balai polis baharu di Parlimen Kuala Krau selaras dengan fasiliti besar yang disediakan bagi meningkatkan keberkesanan kawalan keselamatan di kawasan Kuala Krau.

20. PR-1543-L31214
Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan memandangkan cadangan China untuk membantu membangunkan industri pemprosesan nadi bumi Malaysia, bagaimana Kementerian mengimbangi tawaran ini dengan hubungan sedia ada bersama Amerika Syarikat serta apakah manfaat strategik yang dijangka diperoleh Malaysia daripada peluang ini.
21. PR-1543-L31662
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan statistik terkini mengikut negara asal pelancong-pelancong asing yang datang di bawah Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan pemberian visa jangka panjang program ini serta berapa ramai yang memilih untuk terus menetap di Malaysia.
22. PR-1543-L31529
Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pelan perluasan fungsi platform MYJalan selain jalan berlubang untuk meliputi aduan lampu syarat / pencahayaan, papan tanda, guardrail dan isu keselamatan lain termasuk SLA tindak balas, integrasi dengan sistem PBT/JKR daerah dan maklum balas kepada orang awam.
23. PR-1543-L32386
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci jumlah pekerja kesihatan yang telah mendapat penempatan tetap pada tahun ini (doktor dan jururawat) dan berapa yang telah ditempatkan di Sabah dan Sarawak dan telah menerima penempatan tersebut.
24. PR-1543-L31547
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek pemasangan kemudahan lif di Stesen KTM Padang Rengas akan dimulakan dan apakah tarikh jangkaan projek ini siap, memandangkan stesen tersebut digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk warga emas dan orang kurang upaya dan keluarga yang membawa anak kecil.

25. PR-1543-L31729

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian untuk mengembalikan lukisan Basquiat dan Picasso berkait dana 1MDB yang dirampas dan dilelong. Apakah kesediaan untuk menambah dana bagi membeli dan mengukuhkan koleksi Balai Seni Lukis supaya menjadi tarikan pelancong.

26. PR-1543-L31598

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:

- (a) rasional Kementerian mengklasifikasikan dakwaan YAB Perdana Menteri menerima wang tidak diaudit daripada seorang tokoh perniagaan sebagai sekadar isu audit dan pentadbiran parti; dan
- (b) perbezaan kes berkenaan dengan kes-kes terdahulu yang menyaksikan parti-parti politik disiasat atas dakwaan serupa.

27. PR-1543-L31383

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan mengenai kes kematian Teoh Beng Hock:

- (a) sama ada Kementerian mengakui sebarang unsur kecuaihan pihak berkuasa dalam kematian dan siasatan kes ini; dan
- (b) adakah pihak polis bersedia untuk membuka semula siasatan di bawah peruntukan Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

28. PR-1543-L30852

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelaksanaan Pelan Tindakan OKU (2025-2030) serta apakah strategi dasar perumahan negara serta sokongan sosiologinya yang disediakan oleh Kementerian kepada OKU.

29. PR-1543-L30906

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) tahap kesiagaan semasa rangkaian perkhidmatan kesihatan awam di negeri Sabah dalam mendepani senario peningkatan pesakit penyakit tidak boleh berjangkit (NCD); dan
- (b) adakah PeKA40 setakat ini menjadi platform terbaik kepada rakyat Sabah yang didiagnos dengan *multimorbidity* untuk mendapatkan rawatan lanjutan segera.

30. PR-1543-L31025

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan dan strategi Kementerian dalam menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal di negeri Kedah yang semakin sesak dan apakah pelan jangka panjang ke arah pengurusan yang lebih mampan dan mesra alam.

31. PR-1543-L31976

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah JPKKP di daerah Kota Marudu yang telah terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan projek/program di kampung didalam menggerakkan penglibatan komuniti setempat yang lebih mampan dalam mentransformasi pembangunan kampung bagi meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

32. PR-1543-L31317

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mendedahkan secara telus butiran kontraktor yang dilantik, terma kontrak serta hasil audit berhubung perbelanjaan RM450 juta bagi projek naik taraf Aerotrain KLIA, memandangkan kerosakan berulang menimbulkan persoalan tentang integriti serta proses perolehan dan kecekapan penggunaan wang rakyat.

33. PR-1543-L31431

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek naik taraf jalan Kg Perancangan - Nalumad, Ranau sudah disebut-sebut sejak tahun lalu akan ditender dan Kementerian juga memberi jawapan awal tahun ini bahawa ianya akan ditender tahun ini namun sehingga kini ianya indah khabar dari rupa. Bilakah projek ini dilaksanakan.

34. PR-1543-L32294

Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan Polis Diraja Malaysia menggunakan teknologi kecerdasan buatan (*AI policing*) dalam pencegahan jenayah bandar serta garis panduan etika untuk mengelakkan salah guna kuasa.

35. PR-1543-L30862

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan Malaysia sedang menghadapi cabaran kesihatan awam seperti penghijrahan profesional (*brain drain*), beban penyakit tidak berjangkit, kos kesihatan meningkat, populasi menua dan krisis kesihatan mental. Apakah strategi Kementerian bagi menangani isu-isu tersebut di dalam tahun 2025.

36. PR-1543-L32291

Tuan Haji Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramai pekerja sektor ekonomi penjagaan tidak formal yang telah didaftarkan oleh Kementerian dan apakah dasar serta persediaan untuk menghadapi masyarakat menua yang akan mencecah 15% menjelang 2030.

37. PR-1543-L31898

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam potensi penglibatan rantai bekalan industri berasaskan perkapalan antarabangsa samada projek pembinaan kapal komersial dan juga perkhidmatan *Maintenance, Repair, and Overhaul* (MRO) yang bakal melonjak pasaran global sehingga USD 195 billion menjelang 2030.

38. PR-1543-L31171
Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kajian/analisis kos yang telah dijalankan untuk peralihan kepada lori sampah EV termasuk kos pembelian, penyelenggaraan, infrastruktur pengecasan dan jaminan Kementerian bagi memastikan pelaksanaan operasi lori sampah EV mencapai matlamat dalam pengurangan pelepasan karbon negara secara menyeluruh.
39. PR-1543-L32424
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada sistem sokongan komprehensif dan mekanisme pencegahan akan dirangka dan dilaksanakan bagi melindungi belia berisiko serta menghalang mereka daripada dieksploitasi oleh sindiket jenayah terancang. Sekiranya ya, sila nyatakan butir-butir sistem tersebut.
40. PR-1543-L32204
Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [Alor Setar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status penyelenggaraan Jejantas Kompleks Pekan Rabu di Bandaraya Alor Setar.
41. PR-1543-L(5)00339
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan nama 10 syarikat bas atau lori yang telah menerima jumlah saman kesalahan melebihi had laju tertinggi sejak 25 Jun 2025, selepas Kerajaan mula melaksanakan dasar '*name and shame*' terhadap pesalah tegar.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

42. PR-1543-L32148
Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kerajaan memulihkan daya saing eksport dan keyakinan pelabur dalam konteks lebihan akaun semasa yang hampir sifar serta aliran keluar pelaburan asing, mengambil kira FDI bersih H1 2025 hanya RM17.2b walaupun pelaburan kasar RM148.9b, ditambah turun naik aliran asing Bursa.

43. PR-1543-L31438
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian dan dasar Kementerian berkaitan dengan kes keldai dadah di luar negara seperti kes Pannir Selvam A/L Pranthaman selepas pertemuan antara YB Menteri Dalam Negeri dan Menteri Singapura pada November 2024.
44. PR-1543-L32111
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendekatan Kementerian mengambil kira trend kematian pengguna motosikal yang membimbangkan di mana sekitar 69.2% iaitu 4,480 kes direkodkan daripada keseluruhan kematian pengguna jalan raya (6,473 kes) adalah pengguna motosikal menurut data Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman.
45. PR-1543-L32442
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan agar mengawal warga Negara China yang datang bekerja dan berniaga atas lawatan sosial yang kini telah menjejaskan pendapatan peniaga-peniaga dan kontraktor-kontraktor tempatan.
46. PR-1543-L31188
Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:
- (a) bagaimana sindiket penipuan dalam isu pemerdagangan manusia di Kemboja berjaya menipu rakyat Malaysia secara berterusan walaupun isu ini kerap dilaporkan dalam media; dan
 - (b) adakah sindiket-sindiket ini dapat dibawa ke muka pengadilan di Malaysia, terutamanya jika mereka beroperasi di luar negara.
47. PR-1543-L32411
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:
- (a) jumlah pemandu B40 yang menerima latihan dan lesen motosikal B2 percuma melalui MyLesen B2 bagi tahun 2023, 2024 dan 2025; dan
 - (b) pecahan mengikut negeri serta rancangan memperluas program ini ke sekolah menengah.

48. PR-1543-L31164

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan bagi menaik taraf laluan Johor Bahru-Pontian di hadapan Gelang Patah Sentral yang saban hari sesak terutama waktu kemuncak sehingga kini menjadi semakin parah dan menjejaskan aktiviti harian penduduk serta ekonomi setempat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 30/2025) Rang Undang-undang Perbekalan 2026 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"**
[15 Oktober 2025]

DAN

Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh tiga bilion ringgit (RM83,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2026, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2026, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2025, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersepetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Menyambung semula perbahasan atas masalah [15 Oktober 2025]

2. (D.R.25/2025) Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang".**
[28 Ogos 2025]

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

3. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. PR-1543-U(27)449

Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi penekanan kepada melahirkan guru berkualiti dan program peningkatan kemahiran peringkat Prasekolah yang selari dalam agenda Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Jumlah pendaftaran pelajar Prasekolah KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) pada tahun 2024 adalah 153,329 orang, dengan 80,971 murid di Tabika KEMAS, 15,889 murid di Tabika Perpaduan dan 216,212 murid di tabika swasta. Manakala, jumlah murid yang mendaftar untuk Tahun Satu bagi sesi persekolahan 2025/2026 di seluruh Malaysia adalah seramai 461,198 orang.

Dari sudut tenaga pengajar pula, jumlah guru Prasekolah di Malaysia, merangkumi sekolah awam dan swasta, adalah 45,340 orang pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, seramai 36,827 orang adalah guru Prasekolah awam dimana KEMAS hanya mencatat 62.76 peratus kelayakan minimum diploma. Bagi guru swasta pula adalah 62.76 peratus kelayakan minimum diploma. Bagi guru swasta pula adalah sebanyak 8,513 orang di mana mereka hanya mencapai 18.78 peratus memiliki kelayakan minimum Diploma.

Perkara ini bertepatan dengan laporan Bank Dunia bahawa lebih separuh daripada guru tidak memenuhi piawai serta syarat minimum Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) dan ini bakal merencatkan ekosistem pendidikan negara pada masa yang akan datang. Situasi ini menuntut langkah dan usaha Kerajaan agar memperkasakan kembali kualiti tenaga pengajar dan memberi program nilai tambah serta kemahiran berterusan kepada guru Prasekolah.

Adalah menjadi harapan agar perkara ini menjadi teras kepada Kerajaan untuk meneliti kembali bahawasanya guru yang berkualiti tinggi dapat melahirkan generasi anak bangsa yang bijaksana seterusnya dapat memperbaiki semula kedudukan *Programme for International Student Assessment* (PISA) Malaysia di mata dunia.”

[Menteri Pendidikan]

5. PR-1543-U(27)450

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memperluaskan subsidi penjagaan anak di pusat penjagaan berdaftar serta memperkukuh kawalan keselamatan dan kualiti perkhidmatan bagi melindungi kanak-kanak daripada risiko penderaan. Inisiatif ini penting untuk mengurangkan beban berganda ibu bekerja, meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap pusat penjagaan serta memperkukuh penyertaan wanita dalam tenaga buruh negara.

Menurut World Economic Forum (2023), wanita di seluruh dunia melaksanakan hampir tiga kali lebih banyak kerja penjagaan tidak berbayar berbanding lelaki, yang mewujudkan “*double burden*” dalam kerjaya dan keluarga. Di Malaysia, laporan UNFPA (2023) mendedahkan bahawa 32.4% wanita berhenti bekerja kerana isu penjagaan anak dan sekiranya masalah ini diatasi, kadar penyertaan tenaga buruh wanita (LFPR) boleh meningkat sehingga 15%, setara dengan negara maju.

Oleh itu, World Bank (2024) menegaskan bahawa bagi setiap jam tambahan ibu perlu menjaga anak, peluang mereka menyertai tenaga kerja menurun sehingga 3%. Ketika ini, kadar penyertaan tenaga buruh wanita hanya sekitar 56%, jauh lebih rendah berbanding lelaki (83%). Kos penjagaan anak yang tinggi serta kebimbangan terhadap penderaan di pusat penjagaan menjadi antara penghalang utama.

Selain isu kos, kebimbangan terhadap keselamatan anak di taska berikutan kes penderaan yang dilaporkan juga menjadi faktor penghalang utama bagi ibu bekerja. Maka, Kerajaan wajar memperkenalkan mekanisme kawalan kualiti lebih ketat, latihan profesional wajib bagi pengasuh, pemantauan berkala, penggunaan teknologi seperti CCTV serta sistem aduan mesra ibu bapa.

Adalah menjadi harapan agar langkah ini dapat menjamin kesejahteraan kanak-kanak, mengurangkan kebimbangan ibu bapa, dan dalam masa yang sama meningkatkan sumbangan wanita kepada pembangunan ekonomi negara seperti yang diazamkan dalam RMK13.”

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

6. PR-1543-U(27)451

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan memperkukuh kesiapsiagaan negara terhadap risiko gempa bumi walaupun Malaysia tidak berada di atas garisan plat tektonik utama. Sejak 2010, MetMalaysia merekodkan lebih 50 kejadian gempa bumi lemah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, termasuk 10 kes dalam tempoh lima tahun terakhir yang dirasakan penduduk. Kejadian terbaru di Segamat pada 24 Ogos 2025 berukuran 4.1 magnitud, dengan gegaran susulan 2.8 di Yong Peng, menjejaskan kawasan berhampiran seperti Kluang, Batu Pahat, Melaka dan selatan Pahang. Walaupun tiada kemalangan jiwa, lebih 200 aduan gegaran direkodkan NADMA, menunjukkan kepanikan awam masih tinggi.

Artikel *Dealing with Earthquakes* oleh The Star (4 Sept 2025) menyatakan Malaysia kini tidak boleh lagi dianggap zon “bebas risiko”, kerana kajian menunjukkan garisan sesar aktif di Johor, Bukit Tinggi dan Ranau berpotensi melepaskan gegaran antara 5.0 hingga 6.0 magnitud. Pakar kejuruteraan awam turut menegaskan bahawa lebih 80% bangunan awam dibina sebelum 2010 tidak menepati piawaian Eurocode 8 tahan gempa. Situasi ini menuntut perubahan dasar segera, termasuk penggunaan teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI) untuk sistem amaran awal, penempatan lebih banyak stesen seismik (ketika ini hanya 30 di seluruh negara, berbanding lebih 100 di negara jiran seperti Indonesia), serta pemetaan stratifikasi tanah bandar utama.

Pada masa yang sama, Dewan ini menggesa agar mempertingkatkan kerjasama saintifik dan teknikal dengan ASEAN, khususnya di bawah AHA Centre dan AADMER, untuk memantapkan pemantauan bersama, pemetaan rentas sempadan, serta perkongsian data seismik serantau. Pada masa yang sama, hasil penyelidikan MOSTI perlu diterjemahkan kepada program kesedaran awam, pendidikan sekolah, dan latihan komuniti agar rakyat lebih bersedia menghadapi ancaman alam.

Adalah menjadi harapan bahawa usaha ini bukan sekadar melindungi nyawa dan harta rakyat tetapi turut mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pelopor diplomasi bencana dan iklim di rantau ASEAN, memperkukuh keselamatan negara dan memacu ekonomi tahan lasak demi generasi akan datang.”

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

7. PR-1543-U(27)452

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memperkukuh pelaksanaan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Pindaan 2024) dengan langkah tambahan yang lebih progresif, selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) No. 87 mengenai Kebebasan Bersatu dan Perlindungan Hak untuk Berorganisasi serta Konvensyen No. 98 mengenai Hak untuk Berunding Secara Kolektif.

Mengikut data daripada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), sehingga tahun 2024, Malaysia merekodkan sebanyak 762 kesatuan sekerja dengan keanggotaan seramai 1,038,435 orang, iaitu hanya sekitar 6% daripada tenaga buruh aktif. Walaupun terdapat sedikit peningkatan sejak 2019, kadar ini masih jauh lebih rendah berbanding negara lain seperti Korea Selatan (13.1%), Indonesia (12%), Australia (12.5%), apatah lagi Sweden (65%).

Pindaan 2024 yang menghapuskan sekatan sektor dan membolehkan pekerja dari pelbagai industri menubuhkan kesatuan bersama adalah langkah positif. Namun, realitinya penyertaan pekerja dalam kesatuan sekerja masih terhad disebabkan oleh beberapa faktor utama, termasuk proses organisasi yang mencabar, khususnya bagi pekerja dalam sektor gig, kontrak jangka pendek dan pekerjaan tidak formal; tahap kesedaran yang rendah mengenai manfaat penyertaan dalam kesatuan; persepsi negatif serta halangan tidak rasmi daripada sesetengah majikan; serta sifat pekerjaan moden yang semakin berpecah-pecah seperti *freelance*, kontrak projek dan pekerjaan digital.

Oleh itu, Kerajaan digesa memperkenalkan insentif fiskal kepada majikan yang mengiktiraf kesatuan sekerja serta membangunkan platform digital kesatuan bagi memudahkan pendaftaran, komunikasi dan rundingan kolektif, khususnya melibatkan pekerja *gig*, kontrak dan bebas (*freelance*).

Adalah menjadi harapan agar langkah ini dapat mengukuhkan kuasa rundingan pekerja, memperluas perlindungan sosial, serta menjadikan kesatuan sekerja sebagai rakan strategik penting dalam membina pasaran buruh yang lebih inklusif, progresif dan mampan, selaras dengan aspirasi RMK13 dan agenda pembangunan negara.”

[Menteri Sumber Manusia]

8. PR-1543-U(27)453

Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan memperkukuh ketahanan siber negara sebagai agenda keselamatan, ekonomi dan diplomasi digital yang berwibawa. Walaupun Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) telah berkuat kuasa, tahap serangan digital yang kian meningkat menuntut tindakan menyeluruh yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga membina keyakinan rakyat dan mengukuhkan kedudukan Malaysia di peringkat serantau.

MyCERT merekodkan 1,657 insiden siber pada suku pertama 2025, dengan 68% melibatkan *phishing* dan penipuan kewangan, manakala kebocoran data meningkat 29%. Sepanjang tahun 2024 sahaja, lebih 6,000 insiden dilaporkan dengan kerugian kewangan melebihi RM1.2 bilion. Sektor kewangan, e-dagang, telekomunikasi, kesihatan, pendidikan dan agensi awam menjadi sasaran utama, sekali gus menguji daya tahan ekonomi serta keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan digital negara.

Sehubungan itu, Kerajaan digesa menubuhkan Jawatankuasa Tetap Parlimen mengenai Keselamatan Siber dan *Cyber Range Nasional* sebagai wadah latihan serta simulasi serangan. Dana Pemulihan Mangsa Jenayah Siber perlu diwujudkan demi melindungi rakyat, bersama Kempen *Nasional Cyber Hygiene* dan modul literasi siber dalam pendidikan. Undang-undang perlu diperkukuh melalui notifikasi kebocoran data mandatori 72 jam dan penalti berperingkat terhadap kecuai. Pada masa yang sama, Malaysia seharusnya mempertimbangkan aspek ASEAN *Cyber Threat Intelligence Sharing Network* sebagai negara peneraju serta memperkukuh kerjasama dengan EU, Singapura, Korea Selatan dan Jepun. Modal insan pula sebaiknya dibangunkan melalui biasiswa TVET siber, hackathon nasional dan *Task Force AI & Emerging Cyber Threats*.

Adalah menjadi harapan bahawa usaha ini bukan sahaja melindungi rakyat daripada kerugian digital, tetapi turut memperkukuh kepercayaan awam, membina citra Malaysia sebagai peneraju diplomasi digital ASEAN, serta memastikan pembangunan negara yang berdaya tahan, inklusif dan berwibawa demi generasi akan datang.”

[Perdana Menteri]

9. PR-1543-U(27)454

Dato' Seri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian yang lebih holistik dan mendalam bagi mewujudkan badan pemantau bebas terhadap keberkesanan pelaksanaan pelan perancangan jangka panjang terutama pembangunan sektor pertanian dan agroindustri negara supaya selari dengan National Agrofood Policy 2021-2030 (NAP 2.0).

Isu keterjaminan makanan bukan satu perkara baharu, namun Kerajaan masih belum memanfaatkan sepenuhnya kekayaan sumber asli negara. Malaysia terus bergantung pada import untuk menampung permintaan domestik, sementara peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pula berpotensi melonjakkan kos makanan haiwan ternakan, sekali gus menekan harga daging dan produk berkaitan.

Ketika negara masih sangat bergantung pada import makanan asas, peluasan skop SST yang dijangka menaikkan kos amat membebankan dan menambah keresahan rakyat.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan wajar merangka strategi menyeluruh dan berkesan untuk mengurangkan kebergantungan import makanan sambil memanfaatkan sepenuhnya kekayaan sumber alam negara bagi memenuhi permintaan domestik.”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1543-U(27)455

Dato' Seri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih strategik, menyeluruh dan bersepadu dalam membuat pelan perancangan jangka panjang bagi mengatasi isu perlindungan sosial bagi warga emas.

Malaysia yang dijangka akan menjadi negara menua menjelang 2030, di mana negara akan menghadapi peningkatan bilangan warga emas dan beban penjagaan juga akan meningkat. Ditambah dengan struktur pelaksanaan dasar warga emas hari ini bersifat silo iaitu National Policy for Older Persons (NPOP 2011) dilihat tidak memberikan peruntukan khusus dan pelaksanaannya disalur menerusi pelbagai Kementerian tanpa koordinasi berpusat.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih serius dan mendalam dalam membuat perancangan jangka panjang bagi warga emas ini bagi memastikan penyediaan kemudahan, infrastruktur dan perancangan kewangan yang jelas agar perlindungan sosial warga emas terjamin dan mampan.”

[Menteri Ekonomi]

11. PR-1543-U(27)456

Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan bahawa kepentingan pelajar Malaysia, khususnya lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang taraf akademiknya setaraf dengan A-Level, mesti sentiasa diberi keutamaan serta pertimbangan sewajarnya berdasarkan kelayakan merit dalam dasar kemasukan ke Universiti Awam (UA) sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan kekurangan kuota di UA bagi subjek kritikal, kesan dasar Saluran Terbuka terhadap prinsip meritokrasi serta isu ketelusan dan keadilan sosial dalam sistem pendidikan tinggi negara.

Sejak dasar Saluran Terbuka diperkenalkan, semakin ramai pelajar tempatan yang cemerlang termasuk lepasan STPM khususnya tidak ditawarkan tempat bagi mengikuti kursus kritikal seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Undang-Undang, Kejuruteraan dan Perakaunan melalui saluran UPU. Sebaliknya, mereka hanya ditawarkan tempat melalui Saluran Terbuka dengan kadar yuran yang jauh lebih tinggi, tanpa wujudnya mekanisme rayuan yang telus. Keadaan ini bukan sahaja menekan kewangan keluarga B40 dan M40, malah menafikan peluang pelajar cemerlang untuk mendapatkan akses pendidikan bersubsidi dan ruang pembelajaran yang adil dan telus.

Pihak UA pula mendakwa kekurangan dana Kerajaan sehingga terdorong mengutamakan Saluran Terbuka sebagai sumber penjana pendapatan. Namun, sebagai institusi yang dibiayai oleh wang rakyat tidak seharusnya menggantikan tempat bersubsidi dengan laluan komersial. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, ia akan menyerupai satu bentuk penswastan senyap terhadap pendidikan tinggi awam, sekali gus menghakis peranan asal UA sebagai pemangkin mobiliti sosial rakyat.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar Kerajaan menghadkan kemasukan pelajar melalui Saluran Terbuka dan mengutamakan pengambilan Saluran Perdana serta membentangkan kepada Parlimen data lengkap mengenai jumlah pengambilan pelajar melalui sistem UPUonline dan Saluran Terbuka sejak dasar ini diperkenalkan, termasuk pecahan kursus kritikal, kelayakan akademik, terutamanya STPM yang setaraf A-Level serta latar belakang sosioekonomi pelajar.

Hanya dengan dasar yang benar-benar telus, berpaksikan merit sebenar dan dipantau secara berkala, keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan tinggi awam dapat dipulihkan dan diperkukuh demi memastikan keadilan dan kelestarian bagi generasi akan datang.”

[Menteri Pendidikan Tinggi]

12. PR-1543-U(27)457

Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera mengkaji secara terperinci mekanisme pelaksanaan rasionalisasi subsidi petrol RON95 sehingga semua aspek teknikal, data dan operasi disemak, diuji serta diperbetulkan dengan teliti.

Kerajaan tidak seharusnya tergesa-gesa melaksanakan dasar ini tanpa ketelusan dan kesiapsiagaan teknikal sepenuhnya kerana ia berisiko menimbulkan gangguan operasi, ketidakadilan kepada pengguna serta tekanan kewangan kepada pengusaha kecil khususnya stesen minyak di kawasan luar bandar.

Dewan Rakyat ini juga mengambil maklum situasi semasa dengan ketidakcekapan sistem teknikal dalam pelaksanaan bantuan kewangan tambahan SARA ataupun MyKasih yang telah menyebabkan sistem tergendala dan penerima dipaksa membayar tunai. Hal ini membuktikan bahawa risiko yang sama boleh berlaku dalam pelaksanaan subsidi petrol, sekali gus menjejaskan keadilan di kaunter pam.

Sehubungan itu, Dewan Rakyat ini mendesak Kerajaan memberikan jaminan bahawa pelaksanaan rasionalisasi subsidi petrol RON95 benar-benar berpaksikan prinsip keadilan sosial, ketepatan data dan ketelusan mekanisme, serta memastikan rakyat dan pengusaha kecil tidak dijadikan bahan ujian bagi dasar nasional ini.”

[Menteri Kewangan]

13. PR-1543-U(27)458

Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), khususnya Seksyen 233, bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang ini dilaksanakan secara telus, konsisten dan bebas daripada campur tangan politik.

Seksyen 233 yang berkaitan dengan “penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian” sering disiasat dengan alasan yang terlalu longgar. Tafsiran terhadap istilah seperti “menyakitkan hati”, “mengancam” atau “tidak senonoh” adalah terlalu subjektif sehingga membuka ruang kepada tafsiran politik, bukannya berlandaskan prinsip undang-undang yang jelas.

Sehubungan itu, timbul persoalan sama ada AKM 1998 benar-benar digunakan untuk melindungi rakyat daripada jenayah siber dan kandungan berbahaya, atau telah diperalatkan sebagai senjata politik untuk membungkam suara yang tidak sehaluan. Situasi ini menimbulkan persepsi bahawa kebebasan bersuara hanyalah simbol kosong apabila undang-undang dijadikan alat menekan rakyat.

Justeru, hanya melalui pembaharuan undang-undang dan penguatkuasaan yang telus dan adil, keyakinan rakyat terhadap AKM 1998 dapat dipulihkan, sekali gus menjamin kebebasan bersuara kekal terpelihara sebagai roh sebenar kemerdekaan negara.”

[Menteri Komunikasi]

14. PR-1543-U(27)459

Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menggantung pelaksanaan Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) sehingga satu proses semakan menyeluruh dijalankan terhadap ambang persetujuan yang ditetapkan, mekanisme perlindungan kepada pemilik minoriti, serta keselarasan dasar pembangunan semula dengan pelan fizikal bandar yang ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pelaksanaan URA telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan pemilik hartanah strata, khususnya golongan B40 dan M40 yang menghuni pangsapuri lama dan unit kos rendah. Antara isu paling kontroversi ialah kadar ambang persetujuan yang ditetapkan iaitu 80% bagi bangunan sama ada melebihi mahupun kurang daripada 30 tahun, berbanding keperluan sedia ada yang menuntut 100% persetujuan untuk sebarang pembangunan semula. Ini menimbulkan persoalan sama ada pemilik minoriti yang tidak bersetuju boleh dilucutkan hak milik mereka walaupun secara sah masih memiliki unit masing-masing.

Lebih membimbangkan, pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata dikatakan bakal membolehkan pemindahan hak milik secara automatik kepada pemaju sekiranya ambang persetujuan dicapai. Tanpa mekanisme rayuan, akses semakan kehakiman yang mudah serta perlindungan undang-undang kepada pemilik minoriti, dasar ini boleh dimanipulasi untuk menekan pemilik kecil yang tidak mempunyai keupayaan perundangan untuk mempertahankan hak mereka.

Isu ini turut menyentuh soal keselarasan dasar antara agensi Kerajaan. URA berada di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), manakala pembangunan fizikal bandar seperti Kuala Lumpur ditadbir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, tiada penjelasan diberikan berhubung bagaimana keputusan pembangunan semula yang diluluskan melalui URA akan disepadukan dengan pelan struktur dan Rancangan Tempatan sedia ada. Ini menimbulkan risiko pertindihan atau percanggahan dasar yang akhirnya boleh menjejaskan infrastruktur awam dan menambah kesesakan tanpa pelan mitigasi yang jelas.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar pelaksanaan URA ditangguhkan serta-merta, sementara satu proses libat urus menyeluruh diadakan melibatkan pemilik strata, badan pengurusan bangunan, PBT dan peguam hartanah. Kerajaan juga perlu menyemak kembali semua pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata yang berkaitan dan memastikan tidak berlaku penghakisan hak pemilikan sah rakyat atas nama pembangunan semula. Apa-apa reformasi undang-undang yang memberi kesan kepada ribuan rakyat biasa mestilah berpaksikan prinsip perlindungan, bukan paksaan.”

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-1543-U(27)460

Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menilai semula pelaksanaan inisiatif Rakan KKM yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan memastikan ia tidak menghakis prinsip asas kesihatan awam negara yang berteraskan akses saksama, layanan adil dan kos mesra rakyat.

Pelaksanaan inisiatif Rakan KKM telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan masyarakat. Sebarang pembaharuan dalam sistem kesihatan awam seharusnya tidak boleh mewujudkan dua kelas perkhidmatan yang membezakan rakyat berdasarkan kemampuan membayar sekali gus menafikan hak pesakit marhaen untuk mendapat layanan sama rata di hospital Kerajaan.

Lebih membimbangkan, pelaksanaan inisiatif ini berisiko mengalihkan tenaga pakar, peralatan dan sumber hospital awam bagi memenuhi perkhidmatan *premium economy* sehingga menjejaskan keberkesanan rawatan asas rakyat. Justeru, mekanisme pemantauan yang telus dan bebas perlu diwujudkan bagi menilai masa menunggu pesakit awam sebelum dan selepas pelaksanaan Rakan KKM dengan laporan berkala dibentangkan kepada Parlimen.

Sehubungan itu, Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar tidak memperdagangkan sistem perkhidmatan awam serta memberi penjelasan menyeluruh sama ada Rakan KKM benar-benar memperkukuh sistem kesihatan awam atau sekadar solusi sementara yang mengundang risiko diskriminasi dan sistem dua darjat. Hanya dengan ketelusan, jaminan keadilan dan pengawasan berkala, keyakinan rakyat terhadap kesihatan awam dapat dipelihara sebagai amanah negara.”

[Menteri Kesihatan]

16. PR-1543-U(27)461

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baharu di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat benih padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi.”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1543-U(27)462

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak. Kes penderaan dalam kalangan kanak-kanak belum tamat dan berkali-kali berlaku. Maka memohon perhatian sewajarnya.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani pantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target ‘Dera Sifar’ menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1543-U(27)463

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perancangan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih ‘keras’ terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*).”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1543-U(27)464

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka.”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1543-U(27)465

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara.”

[Perdana Menteri]

21. PR-1543-U(27)466

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta

pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek.”

[Menteri Ekonomi]

22. PR-1543-U(27)467

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini meggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar ‘*rebranding*’ daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40.”

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1543-U(27)468

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak ‘pro’ Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada ‘pro’ Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu.”

[Menteri Komunikasi]

24. PR-1543-U(27)469

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuat kuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket perdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya '*free flow*' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1543-U(27)470

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan warisan arkeologi negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan warisan arkeologi negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan warisan arkeologi negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya."

[Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

26. PR-1543-U(27)471

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri, Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

27. PR-1543-U(27)472

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.”

[Menteri Kewangan]

28. PR-1543-U(27)473

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya.”

[Menteri Kewangan]

29. PR-1543-U(27)474

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 batu nautika dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (lebih 1080 batu nautika).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China “mengklaim” sebagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan dash yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permahan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon Kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya di mana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia sepertimana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing.”

[Menteri Pertahanan]

30. PR-1543-U(27)475

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun telaga mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka, serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak."

[Menteri Kewangan]

31. PR-1543-U(27)476

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbang pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Berpendapat bahawa jalan sempadan Malaysia–Indonesia yang baik akan meningkatkan aksesibiliti antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama, memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia–Indonesia juga berpotensi memperkuat hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik."

[Menteri Ekonomi]

32. PR-1543-U(27)477

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan memberi kuasa kepada media untuk mempromosikan jimat penggunaan elektrik waktu puncak dilihat sebagai strategi berasaskan perubahan tingkah laku pengguna. Ini bermakna, sistem tarif elektrik direka untuk memberi insentif supaya pengguna dapat mengurangkan beban pada waktu puncak melalui pengurangan penggunaan tenaga, sekaligus mengurangkan tekanan ke atas rangkaian elektrik nasional. Dari perspektif pengurusan tenaga, kaedah ini mampu mengalihkan puncak beban dan menstabilkan grid elektrik negara.

Namun begitu, pendekatan ini mempunyai beberapa kelemahan terutama dari segi impak langsung terhadap golongan berpendapatan rendah dan pengguna domestik tanpa alatan moden untuk menguruskan penggunaan elektrik secara fleksibel. Bagi mereka yang tidak dapat memindahkan waktu penggunaan elektrik sebab faktor kerja, waktu sekolah dan kemudahan di rumah, penjimatan bil elektrik yang dipaparkan hanya akan mampu dicapai oleh segelintir pengguna cerdik strategi penggunaan tenaga. Ini menjadikan dasar tersebut kurang inklusif dan berpotensi menimbulkan jurang sosial kerana golongan berpendapatan tinggi lebih berupaya mengoptimumkan penggunaan elektrik.

Selain itu, dari sudut kos sara hidup, penekanan sepenuhnya kepada tabiat pengguna menukar waktu penggunaan elektrik mungkin tidak mencukupi untuk menangani tekanan inflasi dan kenaikan tarif elektrik secara struktural. Isu kos bahan bakar, penyelenggaraan infrastruktur tenaga hijau dan subsidi Kerajaan juga perlu diberi perhatian. Kerajaan perlu melihat penyelesaian holistik yang meliputi subsidi bersasar, pelaburan dalam sumber tenaga terbarukan murah dan pengawalan kenaikan tarif agar beban terhadap pengguna akhir tidak membebankan.

Oleh itu, dicadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan tambahan dasar berikut yang lebih komprehensif seperti meningkatkan program subsidi bersasar khusus untuk kumpulan isi rumah berpendapatan rendah, melancarkan kempen pendidikan tenaga yang berterusan melalui media untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penjimatan elektrik, bukan hanya berdasarkan waktu puncak, mempercepat usaha transformasi tenaga hijau bagi mengurangkan kos pengeluaran elektrik jangka panjang dan melaksanakan mekanisme tarif elektrik yang progresif dan adil supaya beban kos dapat diagihkan lebih saksama di kalangan semua pengguna.”

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

33. PR-1543-U(27)478

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan meneliti semula proses pemilihan pasar raya rakan kongsi dalam program MyKasih/e-Kasih dengan tumpuan meningkatkan inklusiviti pasar raya kecil, kedai runcit tempatan dan koperasi luar bandar. Proses semasa lebih memfokuskan pasar raya besar, mengehadkan akses golongan penerima bantuan, terutama di kawasan kurang bandar. Faktor capaian komuniti seperti kepadatan penduduk dan jarak ke pasar raya perlu diberi perhatian agar penerima tidak terbeban perjalanan jauh.

Golongan rentan seperti warga emas dan yang kurang celik digital menghadapi cabaran menggunakan sistem digital MyKasih/e-Kasih, menyebabkan sesetengah terpinggir dan tidak menerima bantuan sepenuhnya. Kerajaan perlu menyediakan modul latihan, bengkel dan bantuan teknikal untuk memudahkan mereka. Sokongan di lokasi pembelian melalui juruwang atau sukarelawan juga perlu dipertingkatkan bagi membantu transaksi. Alternatif manual seperti tunai atau baucar fizikal perlu disediakan kepada yang tidak mampu menggunakan platform digital supaya tiada golongan terabai.

Pemantauan dan penilaian oleh badan bebas penting untuk memastikan program berjalan telus dan berkesan, mengenal pasti kelemahan dan memberi ruang penambahbaikan berterusan. Audit dan laporan berkala juga memperlihatkan komitmen Kerajaan terhadap ketelusan dan akauntabiliti pengurusan bantuan sosial.”

[Menteri Kewangan]

34. PR-1543-U(27)479

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menilai semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas barangan import tertentu serta penarikan subsidi ke atas lebih 40 barangan asas yang semakin menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat, terutama golongan B40 dan M40. Kenaikan harga barangan keperluan harian secara langsung menjejaskan kemampuan mereka untuk menampung kos sara hidup, memerlukan pendekatan fiskal yang lebih peka dan adil. Oleh itu, penilaian semula dasar SST dan subsidi merupakan langkah penting untuk mengembalikan keseimbangan ekonomi dan sosial.

Kerajaan telah mengecualikan beberapa barangan import seperti limau, kurma, epal dan oren daripada SST mulai 1 Julai 2025, namun masih mengenakan cukai ke atas buah-buahan import lain seperti anggur, avokado, mangga dan pisang. Pendekatan ini menimbulkan persepsi bahawa dasar pengecualian bersifat selektif dan tidak menyeluruh yang boleh mencetuskan ketidakpuasan rakyat serta meruntuhkan kepercayaan terhadap dasar fiskal yang dibentuk. Kejelasan tentang kriteria dan asas pengecualian ini amat

diperlukan bagi memastikan dasar tersebut dilihat adil dan berasaskan analisis yang kukuh. Penarikan subsidi ke atas lebih daripada 40 barangan asas tanpa disertai langkah mitigasi yang berkesan turut menambah beban kos sara hidup rakyat. Pendapatan isi rumah tidak berkembang seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan asas menimbulkan risiko ketidakstabilan ekonomi dan sosial. Oleh itu, Kerajaan diwajibkan untuk menyediakan pelan mitigasi yang komprehensif bagi melindungi golongan rentan seperti insentif tambahan atau program bantuan bersasar agar impak negatif dasar ini dapat dikurangkan.

Selain itu, suara petani dalam penetapan harga minimum padi perlu diangkat secara bermakna melalui mekanisme libat urus yang inklusif dan berstruktur. Ini bagi memastikan dasar harga beras mencerminkan realiti kos pengeluaran yang dihadapi pesawah dan kepentingan mereka sebagai pengeluar utama makanan negara. Keterlibatan langsung masyarakat pertanian dapat meningkatkan keberkesanan dasar serta memperkukuh daya tahan sektor agrikultur dalam jangka panjang."

[Menteri Kewangan]

35. PR-1543-U(27)480

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melindungi Kampung Sungai Baru sebagai Tanah Rezab Melayu untuk mencegah pemindahan paksa dan fenomena gentrifikasi yang merugikan komuniti Melayu di kawasan bandar. Seperti pengalaman di Kampung Baharu, pembangunan yang tidak terkawal berisiko menyebabkan semakin sedikit orang Melayu tinggal di kawasan bersejarah mereka, sekaligus menyingkirkan mereka ke pinggir bandar yang kurang peluang ekonomi. Dengan status tanah rezab, orang Melayu boleh kekal berhak tinggal dan membangun di tengah kota tanpa risiko kehilangan tanah kepada pemaju bukan Melayu.

Selain itu, perlindungan ini penting untuk mempertahankan kedaulatan ekonomi dan warisan tanah pusaka Melayu yang telah dimiliki sejak generasi terdahulu. Enakmen Rizab Melayu mengelakkan tanah warisan ini daripada dipindah milik kepada bukan Melayu, memastikan kekal milik orang Melayu dan selaras dengan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia yang melindungi hak istimewa bangsa Melayu. Tanah yang dilindungi ini juga membolehkan Melayu terus bersaing dalam arena ekonomi bandar tanpa tertinggal di belakang akibat penguasaan tanah oleh pihak lain.

Akhirnya, perlindungan Kampung Sungai Baru sebagai Tanah Rezab Melayu juga menjamin kesinambungan identiti budaya dan sejarah Melayu di pusat bandar yang semakin terhakis akibat pembangunan moden. Kawasan ini adalah simbol kebangkitan orang Melayu sejak 1900, dan dengan perlindungan khusus, pembangunan akan mengutamakan kepentingan Melayu dan mengekalkan ciri tradisional komuniti. Ini penting agar generasi akan datang masih dapat menikmati nilai budaya dan sejarah Melayu dalam bandar yang pesat membangun ini tanpa kehilangan warisan mereka."

[Perdana Menteri]

36. PR-1543-U(27)481

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurang lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat Kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan. Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehinggakan penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad banci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian. Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi selepas beranak pinak di Sabah, sehingga Kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

37. PR-1543-U(27)482

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadarjualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga Kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

38. PR-1543-U(27)483

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih lagi luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkat keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Haji Muhammad Ismi Bin Mat Taib [Parit]	1. Permasalahan Kualiti Rangkaian Telekomunikasi & Internet : Ancaman Keselamatan, Pendidikan dan Ekonomi Desa 2. Keperluan Bagi Pembangunan Komuniti Nelayan Darat dalam Parlimen Parit	1. YB Menteri Komunikasi 2. YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]	1. Isu dan Permasalahan dalam Keberkesanan Mengatasi Peniaga Warga Asing di Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur 2. Isu dan Permasalahan bagi Penambahbaikan Hospital Pontian	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Kesihatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**